

Afrika Menggelegak

Penjajah Dihentam Dalam Segala Pelosok

(2)

Afrika sedang menggelegak dengan perjuangannya menentang penjajah!

Penduduk benua yang besar ini masih dalam permulaan perjuangannya untuk menyingkirkan penjajah dalam tiap-tiap negerinya yang masih belum mengibarkan bendera kemerdekaan.

Dalam bahagian yang lalu, wartawan ((Akhir Saat)), Jamil Arif, telah membentangkan hasil tinjauannya ke benua yang luas itu. Siaran kali ini ialah penutupnya.

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)

Afrika Selatan

Negara Kesatuan Afrika Selatan ini meliputi daerah-daerah Tanjung Harapan, Transvaal, Natal dan Orange.

Ibu negerinya ialah Pretoria. Tetapi parlimennya terletak di bandar Cape (Cape Town).

Jumlah penduduknya 14,700,000, di antaranya 3,300,000 dari orang-orang penjajah yang berkulit putih, 500 ribu daripada orang India dan Pakistan, dan 400 ribu daripada lain-lain kaum (termasuk keturunan Melayu).

Afrika Selatan telah menimbulkan kemarahan dunia terhadapnya, kerana sikapnya menjalankan dasar apartheid. Apabila negara-negara Commonwealth (terutama Persekutuan Tanah Melayu) menentang dasar Afrika Selatan itu, Hendrik

Verwoerd Perdana Menteri Afrika Selatan telah mengambil keputusan keluar dari Commonwealth British.

Afrika Barat Daya

Sebuah negara Afrika yang terletak di barat daya benua Afrika. Dahulunya menjadi tanah jajahan Jerman.

Sesudah Perang Dunia yang pertama, negeri ini telah diletakkan di bawah kekuasaan negara Kesatuan Afrika Selatan.

Selepas Perang Dunia yang kedua, Afrika Selatan masih menjalankan pemerintahan (sebagai pemegang wasiat).

Afrika Selatan sedang berikhtiar sekarang hendak menyatukan negeri ini dengannya, tetapi Bangsa-bangsa Bersatu menentang rancangan itu.

Negara Afrika Barat Daya ini, sebuah negeri yang kaya, pada tiap-tiap tahun ia menghantar ke luar negeri hasil lombong-lombongnya yang berharga 67 juta pound.

Penduduknya tidak melebihi daripada setengah juta jiwa, di antaranya 69 ribu sahaja orang-orang kulit putih (penjajah). Ibu negerinya bernama “Windhoek”. Anak negerinya sedang menderita akan kekejaman dasar apartheid meskipun jumlah golongan penjajah hanya sedikit jua.

Nigeria

Pada bulan Oktober 1960, Nigeria telah berjaya mencapai kemerdekaannya dan dengan itu lenyaplah penjajahan British di negeri itu.

Nigeria Merdeka didirikan dalam bentuk kerajaan *federal* meliputi tiga daerah, tiap-tiap satunya mempunyai ibu negerinya dan majlis menteri-menterinya serta

Dewan Rakyatnya.

Penduduknya berjumlah kira-kira 38 juta jiwa, di antaranya 21 juta beragama Islam. Daerah Kano di utara Nigeria ialah sebesar-besar daerah orang Islam di Afrika.

Ibu negerinya bernama “Lagos” dan ketua pemerintahannya ialah Dr. Azikiwe. Parti yang besar sekali di Nigeria ialah Parti Rakyat Utara yang dipimpin oleh penganjur Islam yang terkenal Ahmad Bello Ketua Menteri Daerah Utara.

(Seyogia disebut, Perdana Menteri Kesatuan Nigeria ialah al-Haj Abubakar).



Dasar apartheid Hendrik Verwoerd Ketua Negara Afrika Selatan telah dikutuk oleh dunia. Gambar

menunjukkan anak negeri sedang mengejek dan mengutuk Verwoerd dan dasar apartheidnya.



Tentera Afrika Selatan yang menjadi pemegang amanah tanah jajahan “Afrika Barat Daya” sedang bertindak menangkap anak negeri dengan kejamnya.

Ghana

Negara yang awal pertama di Afrika Barat yang di dalamnya kebangsaan Afrika telah mengalahkan ketuanan penjajah asing.

Ghana telah merebut kemerdekaannya pada tahun 1957 dengan pimpinan penganjurnya Kwame Nkrumah. Mereka menggelarnya “Osagyefo” yang bermakna penganjur yang mendapat ilham.

Penduduk Ghana berjumlah kira-kira lima juta, dan sebahagian besar dari penduduknya beragama Islam.

Ibu negerinya bernama Accra, dan hasil buminya² yang utama ialah cocoa³ (cacao⁴).

Gambia

Terletak di tepi Lautan Atlantik dan merupakan sepotong tanah dari negeri Senegal. Menjadi tanah jajahan British dari tahun 1843 hingga hari

ini.

Ibu negerinya bernama “Bathurst⁵” dan penduduknya berjumlah kira-kira 275 ribu. Ia juga menjadi tanah jajahan yang lama sekali di Afrika Barat. Pada bulan Oktober 1960, Gambia telah diberikan oleh Inggeris suatu cara pemerintahan berkerajaan sendiri.

Mali

Negara Mali ini dahulunya bernama Sudan Perancis, pernah dijajah oleh Perancis sebelum ia mencapai kemerdekaannya. Pada tahun yang lalu ia telah menyatukan dirinya dengan negara Senegal dengan nama “Kesatuan Mali”. Tetapi Perancis tidak bersenang hati dengan kesatuan dua buah negara yang baharu merdeka itu lalu mengadakan pakatan jahat sehingga kesatuan itu pecah belah.

Akhirnya republik itu telah mengambil nama Mali untuknya dan menjalankan politik bebas iaitu dasar berkecuali dan bertolong bantu sesama negara-negara Afrika.

Ibu negerinya bernama “Bamako” yang terletak di tepi Sungai Niger (sungai yang ketiga di Afrika). 94 peratus daripada penduduk Mali: Beragama Islam!

Senegal

Negara Senegal telah hidup menderita selama tiga kurun di bawah tekanan penjajah Perancis. Baharu-baharu ini Senegal telah berjaya mencapai kemerdekaannya lalu menyatukan dirinya dalam negara Kesatuan Mali, tetapi Perancis akhirnya dapat memecahkan persatuan itu dan kesudahannya Senegal masuk dalam kumpulan negara-negara

¹ Di dalam teks asal, gelaran untuk Nkrumah dieja sebagai S-I-R-A-J-I-P-U tetapi tiada padanan.

² Kesalahan ejaan teks asal. Merujuk kepada “buminya”

³ Diekstrak daripada pokok Cacao. Dikenali sebagai koko dalam bahasa Melayu.

⁴ Cacao adalah nama bagi pokok yang mempunyai hasil cocoa.

⁵ Kini dipanggil sebagai Banjul.

(ala Commonwealth) Perancis. Sebabnya ialah Perancis masih mempunyai 12 buah pangkalan tentera dan laut di negeri itu.

Penduduknya berjumlah kira-kira 2,300,000 jiwa, di antaranya 95 peratus beragama Islam. Ibu negerinya bernama “Dakar” sebuah bandar yang cantik yang diberi gelaran “Paris Afrika”.

Yang di-Pertua Republik Senegal ialah Presiden Senghor.

Sierra Leone

Bekas tanah jajahan British yang terletak di Afrika Barat, di antara Liberia dan Guinea. Sierra Leone telah mengisytiharkan kemerdekaannya pada 27 April 1961 yang lalu. Ibu negerinya bernama “Freetown”.

Penduduknya yang terbanyak sekali ialah beragama Islam.

Nijer (Niger)

Bekas tanah jajahan Perancis yang telah mendapat kemerdekaannya pada tahun yang lalu dan terletak dalam kumpulan negara-negara (Commonwealth) Perancis.

Penduduknya berjumlah kira-kira 2,000,000 jiwa dan kebanyakannya beragama Islam.

Pada tahun 1958, Kad⁶ Djibo Bakary, pemimpin parti yang terbesar sekali di Nijer telah cuba memerdekakan tanah airnya dengan cara Ahmad Sékou Touré dalam perjuangannya memerdekakan negara Guinea tetapi penjajah Perancis telah bergegas melanggar dan menduduki bandar “Niamey” ibu negeri Nijer dan memaksakannya



Suatu keramaian diraja di Nigeria.

melarikan diri. Ia sekarang sedang tinggal di bandar “Bamako” ibu negeri Mali sebagai orang pelarian politik.

Volta Hulu⁷

Bekas tanah jajahan Perancis, letaknya di utara Ghana dan telah mendapat kemerdekaannya pada bulan Ogos 1960 yang lalu. Pada mulanya, pemimpin negara Volta Hulu mengisytiharkan bahawa negerinya telah menyatukan diri dalam negara Kesatuan Mali, tetapi Perancis telah menggunakan segala cara tekanan dan ugutan sehingga akhirnya “Volta Hulu” terpaksa menarik diri.

Penduduknya berjumlah 3,500,000 jiwa dan ibu negerinya bernama “Ouagadougou”.

Cameroon

Pernah menjadi tanah jajahan Jerman hingga

⁶ Tidak pasti sama ia merupakan pangkat atau nama Djibo Bakary.

⁷ Kini dikenali sebagai Burkina Faso.



Suatu pemandangan di bandar Dakar, ibu negeri

Senegal – di Afrika Barat.

penghujung Peperangan Dunia yang pertama, kemudian negerinya dibahagi dua dan dikuasai oleh Inggeris dan Perancis. Cameroon Perancis telah mencapai kemerdekaannya pada bulan Januari 1960 dan terletak dalam kumpulan negara-negara (yang merupakan Commonwealth) Perancis. Ibu negerinya ialah bandar “Yaoundé”.

Cameroon British pula, pada bulan Februari yang lalu rakyat telah diminta fikirannya (dengan jalan undi) untuk mengetahui kemahuan mereka, pertama bersatu dengan Republik Cameroon (bekas tanah jajahan Perancis yang telah merdeka), ataupun bersatu dengan Nigeria. Banyak di antara rakyat Cameroon menuduh Inggeris telah memalsukan hasil keputusan pengundian itu (kesudahannya Cameroon British ini akan bersatu dengan Nigeria).

Perkataan “Cameroon” berasal dari perkataan Portugis ((Camarões)) yang bermakna ((ketam laut)).

Liberia

Liberia ialah negara merdeka yang tertua di seluruh Afrika. Mereka menamakannya “negeri orang-orang yang kembali” iaitu orang-orang Negro yang telah dihantar balik ke Afrika oleh Amerika lalu diturunkan di pantai-pantai Liberia setelah meletus gerakan memerdekakan hamba abdi.

Dalam tahun 1847 orang-orang Negro yang kembali dari Amerika ini telah mendirikan republik yang pertama sekali di benua Afrika.

Penduduk Liberia yang berjumlah 3 juta jiwa terbahagi dua, sebahagian ialah orang-orang Liberia keturunan Negro yang kembali dari Amerika, dan yang sebahagian lagi orang-orang Liberia dari penduduk asli Afrika.

Kebanyakan penduduk Liberia beragama Islam, terutama dari suku-suku bangsa Afrika yang tinggal di daerah pedalaman, meskipun penyiar-penyiar Kristian di sana bergerak cergas.

Togoland

Tanah Togo ialah bekas tanah jajahan Jerman lalu Inggeris dan Perancis membahagikan negeri itu kepada dua bahagian di antara mereka sebagai dua buah kerajaan pemegang amanah sesudah berlaku Perang Dunia yang pertama. Negeri Togo bahagian Inggeris telah disatukan dengan negeri Gold Coast sebelum negara itu mencapai kemerdekaannya dan menjadi Republik “Ghana” sebaik-baik sahaja dijalankan pilihan raya yang diawasi oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Negeri Togo Perancis pula telah mendapat kemerdekaannya pada bulan April 1960. Penduduknya berjumlah

kira-kira 1,100,000 jiwa. Ibu negerinya bernama

“Lomé”.

Meskipun hasil negerinya terhad (serba kurang-kurang, tetapi Yang di-Pertua republik itu, Sylvanus Olympio⁸, berpegang kukuh kepada dasar berkecuali dan menolak segala bantuan yang bersyarat.

Guinea

Negara Guinea ialah negeri Presiden Ahmad Sékou Touré iaitu negeri yang telah menentang Jeneral De Gaulle dalam pilihan raya yang diadakan untuk tanah-tanah jajahan Perancis dahulu dan dengan tegas mengatakan “Tidak!” kepada Jeneral De Gaulle, kerana Guinea tidak

mahu menjadi pengekor negara Perancis.

Penjajah Perancis cuba membalas dendam terhadap rakyat Guinea telah berdiri teguh di belakang penganjurnya (Ahmad Sékou Touré) berkerja siang malam untuk memperteguh kemerdekaannya.

Ibu negeri Guinea bernama “Conakry” penduduknya berjumlah 2,500,000 jiwa kebanyakannya beragama Islam.

Semenjak beberapa bulan yang lalu, Guinea telah bersetuju hendak menyatukan diri dalam sebuah negara kesatuan yang meliputi Ghana dan Mali. Presiden negara Guinea, Ahmad Sékou Touré ialah salah seorang



Rakyat Cameroon sedang mengarak pemimpinnya dengan segala adat istiadatnya.

⁸ Di dalam teks asal, nama Sylvanus Olympio dieja sebagai “Sylvanus ‘U-L-U-M-B-U-S” dan ini adalah salah.

dari penganjur-penganjur Afrika yang telah mengambil bahagian dalam persidangan negara-negara Afrika yang merdeka di bandar Casablanca (*al-Dār al-Bayḍā'*) di Maghribi.

Dahomey

Terletak di Afrika Barat. Pernah dijajah oleh Perancis. Ibu negerinya bernama "Porto-Novo" dan jumlah penduduknya kira-kira 1,700,000 jiwa.

Dalam bulan Ogos 1960, Dahomey telah mendapat kemerdekaannya dari tangan Perancis dan telah tinggal dalam kumpulan negara-negara (ala Commonwealth) Perancis.

Pada mulanya Dahomey telah menyatukan diri dalam negara Kesatuan Mali yang meliputi Mali (Sudan Perancis), Senegal dan Volta Hulu, tetapi dengan tekanan Perancis Dahomey dan Volta Hulu telah menarik diri dari negara Kesatuan itu. Senegal juga telah berpecah daripada Mali.

Algeria

Negara Algeria telah dijajah oleh Perancis semenjak 130 tahun yang lalu, kemudian diisytiharkan dia menjadi sebahagian dari negara Perancis.

Pejuang-pejuang Algeria tidak berhenti daripada melancarkan pemberontakan terus-menerus untuk merebut tanah air mereka. Pada 1 haribulan November 1954, 200 butir bom telah diletupkan serentak dalam seminit sebaik-baik berbunyi pukul satu malam.

Letupan-letupan bom ini menjadi permulaan

pemberontakan yang sedang dilancarkan oleh rakyat Algeria semenjak 6 tahun yang lalu hingga hari ini.

Penjajah Perancis membelanjakan pada tiap-tiap hari sebanyak dua juta pound untuk mengongkos angkatan tenteranya di Algeria, kesudahannya Perancis terpaksa mengakui akan hak rakyat Algeria mendapat kemerdekaannya. (Perundingan akhir sedang berjalan sekarang ini).



Sungai Nil

Sungai Nil ialah sungai yang panjang sekali dalam dunia, panjangnya (termasuk anak-anak sungainya) 4,145 batu. Manakala Sungai Congo panjangnya 2,718 batu, dan Sungai Nijer panjangnya 2,600 batu, iaitu mengambil tempat yang kelima dan yang kedelapan di antara sungai-sungai dunia.

Tasik Victoria

Tasik Victoria yang terletak di tengah-tengah Benua Afrika ialah tasik yang ketiga dalam dunia kemudian daripada Laut Caspian (Qazvin) dan Tasik Superior di Amerika Utara. Manakala tasik-tasik Tanganyika dan Nyasa di Afrika mengambil tempat ketujuh.

Air Terjun Tugela

Tempat air terjun yang tinggi sekali dalam dunia ialah air terjun Tugela, letaknya di negeri Natal – Afrika Selatan. Tingginya 3,110 kaki.